

Tajuk Khutbah : **KEPENTINGAN MEMAHAMI TUGAS – TUGAS KEUTAMAAN KAUM MUSLIMIN**

Assalamualaikum wrt.wbh.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah S.W.T. sekalian,

Saya berpesan dan berwasiat kepada diri saya sendiri, untuk sama – sama kita meninggikan ketaqwaan kita kepada Allah SWT, mudah- mudahan kita mendapat jaminan keselamatan hidup didunia dan juga diakhirat. Pada hari jumaat yang mulia ini, mimbar khutbah Jumaat kita ini akan memperkatakan tentang tentang suatu tajuk : **KEPENTINGAN MEMAHAMI TUGAS – TUGAS KEUTAMAAN KAUM MUSLIMIN.**

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah S.W.T. sekalian,

Apabila kita meneliti rekod kecemerlangan umat Islam di masa lampau khususnya kehidupan generasi sahabat RA di zaman Rasulullah S.A.W nescaya kita mendapati terdapat suatu perbezaan yang amat ketara di antara ciri-ciri kehidupan mereka dengan kehidupan umat Islam mutakhir ini sama ada yang berhubung dengan urusan duniawi atau ukhrawi. Hakikat ini dapat difahami oleh kita berdasarkan kepada suatu nas yang telah disebut oleh Rasulullah S.A.W iaitu :

خيركم قرنى , ثم الذين يلونهم ثم الذين يلونهم

Sebaik – baik kamu adalah generasi ku, kemudian generasi yang datang sesudahnya, kemudian yang datang sesudahnya .

Hadis Nabi S.A.W. di atas amat jelas menerangkan kepada kita semua bahawa sebaik - baik generasi kaum muslimin ialah generasi sahabat yang hidup di zaman Rasulullah SAW. Dari sini kita dapat simpulkan, di antara faktor kecemerlangan kehidupan generasi sahabat RA ialah apabila Syariat Islam datang kepada mereka, mereka memahaminya secara syumul serta mereka terus mengamalkan secara lengkap Syariat tersebut dalam kehidupan mereka tanpa memisahkan bahagian – bahagian Islam tertentu. Dengan kata lain, tidak berlaku kepada generasi sahabat RA, mereka hanya menumpukan kepada satu kewajipan agama sahaja dan dalam masa yang sama mereka meninggalkan kewajipan – kewajipan agama yang lain. Pendek kata, mereka semuanya konsisten dalam melaksanakan kewajipan – kewajipan agama dan dunia secara seimbang dan saksama. Kecemerlangan ini adalah tidak lain dan tidak bukan adalah kerana mereka adalah generasi terawal yang dididik oleh Rasulullah

SAW, lalu mereka memahami tugas – tugas KEUTAMAAN dalam kehidupan mereka.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah S.W.T.

Apakah yang dimaksudkan dengan memahami tugas- tugas keutamaan atau dalam bahasa Arab disebut sebagai *Fiqh Al-Awlawiyyat*. Secara mudahnya, *Fiqh Al-Awlawiyyat* bermaksud meletakkan sesuatu perkara atau melaksanakan sesuatu kewajipan agama, hukum - hakam, nilai – nilai akhlak bahkan semua perkara yang berkaitan dengan urusan kehidupan mengikut senarai keutamaan secara adil dan sesuai mengikut pandangan Syariat Islam, tanpa ada mana- mana bahagian dalam Islam yang diabaikan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT.

Al-Quran al-Karim dan Hadis Nabi S.A.W. telah memberikan kepada kita sejumlah nas yang lengkap bagi menguruskan kehidupan kita berasaskan *Fiqh Al-Awlawiyyat*. Suatu prinsip penting yang seharusnya kita fahami bersama ialah semua kewajipan agama yang mesti dilaksanakan adalah mengikut senarai keutamaan dalam satu - satu masa. Di antara kewajipan tersebut, ada perkara yang berbentuk fardu dan rukun, ada yang berbentuk sunat, ada yang berbentuk asasi (pokok) dan ada yang berbentuk cabang (far'). Prinsip yang dinyatakan ini dapat dilihat ketika Allah S.W.T membandingkan keutamaan mereka yang berjihad dengan mereka yang tidak berjihad pada jalan Allah S.W.T. seperti di dalam firmanNya yang berbunyi :

95. Tidaklah sama antara mukmin yang duduk (yang tidak ikut berperang) yang tidak mempunyai 'uzur dengan orang-orang yang berjihad di jalan Allah dengan harta mereka dan jiwanya. Allah melebihkan orang-orang yang berjihad dengan harta dan jiwanya atas orang-orang yang duduk[340] satu derajat. kepada masing-masing mereka Allah menjanjikan pahala yang baik (surga) dan Allah melebihkan orang-orang yang berjihad atas orang yang duduk[341] dengan pahala yang besar, (Surah al-Nisa; 95-96)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah S.W.T.

Mari kita memerhatikan, betapa Syariat Islam sebagai satu wahyu yang benar dari Allah S.W.T telah menyusun kepada kita segala bentuk perintah dan kewajipan berasaskan perkara – perkara keutamaan.

Pertama ; Dalam perkara ibadat, Rasulullah S.A.W telah membandingkan kepada kita, manakah yang lebih utama, di antara solat berjemaah dengan solat perseorangan.

Akan tetapi, realiti yang berlaku dalam pengamalan solat berjemaah, kita mendapati masyarakat Islam masih tidak mencapai angka yang dikehendaki ketika ini khususnya penunaian solat Subuh berjemaah sedangkan fadilah penunaian solat subuh amat besar faedahnya kepada kehidupan spiritual umat Islam seperti sabda Rasulullah SAW.

Dalam bidang pendidikan anak - anak, al-Quran telah menganjurkan kepada ibu bapa bahawa pendidikan asasi anak- anak adalah bermula dengan pendidikan akidah kemudian diikuti dengan pendidikan ibadat dan seterusnya pendidikan akhlak sebagai teras pendidikan yang asasi. Hal ini adalah berdasarkan sebuah Hadis S.A.W yang berbunyi :

ومروا اولادكم بامثال الأوامر واجتنب النواهي , فذلك وقاية لهم ولكم من النار

Akan tetapi, realiti yang berlaku hari ini memperlihatkan keutamaan pendidikan anak – anak dalam kalangan ibubapa muslim hari ini masih tidak berasaskan kepada tiga teras yang dinyatakan. Sebagai impaknya..kita diburu perasaan gelisah iaitu adakah anak – anak kita yang sedang membesar ketika ini, adakah mereka mampu menghadapi cabaran-cabaran yang melingkungi diri mereka ketika ini ? data statistik di antara tahun 2006 hingga 2010 menunjukkan sebanyak 235,000 daripada 2.48 juta kelahiran adalah bayi luar nikah dan sebanyak 81,000 daripadanya adalah Islam. Bagaimana dengan data statistik semasa.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT...

Melihat kepada pentingnya memahami perkara - perkara keutamaan dalam kehidupan kita serta mengerjakan sesuatu perkara dan kewajipan berdasarkan perkara-perkara keutamaan, maka apa yang terjadi hari ini ialah kaum muslimin telah ketinggalan dalam beberapa aspek kehidupan. Mengikut pandangan Dr.Yusuf al-Qaradawi di dalam penulisan beliau iaitu *Fiqh al-Awlawiyyat*, di antara kemunduran yang dihadapi oleh umat Islam ialah seperti :

Pertama : Umat Islam melalaikan tugas - tugas yang termasuk di dalam bidang fardu kifayah khususnya yang berhubung dengan kepentingan ummah; seperti menguasai bidang sains dan teknologi serta ketenteraan. Dengan penguasaan ilmu dan bidang tersebut maka umat Islam akan menjadi umat yang disegani , kuat dan disegani oleh

musuh - musuh Islam sedangkan kewajiban umat Islam mempertahankan Islam adalah berlaku secara terus - menerus.

Kedua : Kaum muslimin tidak memberikan perhatian yang secukupnya untuk melakukan kerja - kerja dakwah dalam masyarakat dan penyebaran Islam di serata dunia.

Ketiga : Kaum muslimin telah melalaikan sebahagian tugas - tugas yang termasuk dalam kategori fardu Ain iaitu Amar Makruf Nahi Mungkar , wal hal perkara tersebut disebutkan terlebih dahulu daripada solat dan zakat sebagai satu tanda masyarakat yang beriman.

Dan akhirnya di seluruh dunia Islam, suatu perkara aneh yang terjadi ialah perkara - perkara yang berkenaan dengan bidang hiburan dan kesenian lebih diutamakan daripada urusan yang berkenaan dengan ilmu pengetahuan dan pendidikan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT sekalian.

Islam menghendaki umatnya menjadi umat yang termulia berbanding umat - umat yang lain. Jadi, memahami tugas - tugas keutamaan adalah suatu perkara yang sangat perlu bagi setiap individu muslim ketika ini. jumlah kaum muslimin yang banyak dan besar bukanlah menjadi ukuran tetapi kebaikan itu diukur mengikut mutu dan kualitinya. Inilah yang dikatakan memahami tugas - tugas keutamaan kaum muslimin.